

PELAJAR KEJURUTERAAN MEKANIKAL PSP RANGKUL EMAS POLYSKILLS 2017

Pauh, Perlis (27 Sept 2017) – Mohammad Iqbal Md Noor, pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Seberang Perai telah berjaya merangkul pingat emas bagi kategori kemahiran bidang Kimpalan dalam Pertandingan Polyskills 2017 anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik yang telah diadakan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Sebanyak 13 bidang kemahiran yang telah dipertandingkan dan disertai oleh 35 buah politeknik. Menurut Ketua Penyelaras Polyskills Politeknik Seberang Perai (PSP), Encik Zulkifli Bakar, PSP telah menghantar penyertaan dalam lima bidang kemahiran iaitu bidang Kimpalan, bidang Mekanikal CAD, Web Design, IT Network Administration dan bidang Elektronik dengan jumlah penyertaan seramai 13 orang. Selain memenangi pingat emas dalam bidang Kimpalan, Mohamad Arif Fahmi Ibrahim (Mekanikal CAD), Norshaza Abd Halim (Web Design), Azfar Hanif Zuel Azwar (IT Network Administration) turut terpilih untuk mewakili Politeknik Malaysia dalam cabaran World Skills Malaysia Belia (WSMB) 2018. Ini adalah semangat serta komitmen yang tinggi ditunjukkan oleh para pelajar serta jurulatihnya yang terdiri dari kalangan pensyarah-pensyarah Politeknik Seberang Perai itu sendiri.



